
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2000/2001

Februari/Mac 2001

SEU331 – Kewangan Antarabangsa

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi LIMA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **SEMUA** soalan dari Bahagian A dan mana-mana **DUA (2)** soalan dari Bahagian B.

BAHAGIAN A

Jawab **SEMUA** soalan dalam Bahagian ini.

Soalan 1 (100 markah)

- (a) Apakah tujuan penurunan nilai mata wang dan apakah kesan-kesannya terhadap negara yang menurunkan nilai mata wangnya?
(20 markah)
- (b) Tiga pendekatan utama yang digunakan bagi menganalisis kesan ekonomi suatu penurunan atau penyusutan nilai mata wang ialah pendekatan keanjalan, penyerapan dan kewangan. Bezakan di antara ketiga-tiga pendekatan ini.
(20 markah)
- (c) Dengan menggabungkan pendekatan keanjalan dan pendekatan penyerapan, terangkan dan tunjukkan kesan penurunan nilai mata wang terhadap imbalan pembayaran Malaysia.
(20 markah)

...2/-

- (d) Terangkan apakah yang dimaksudkan dengan (i) syarat Marshall-Lerner, (ii) kesan keluk J dan (iii) kesan resapan, dalam konteks penyusutan nilai ringgit Malaysia ekoran dari krisis kewangan yang melanda rantau Asia Timur pada tahun 1997 dan 1998.
(20 markah)
- (e) Jelaskan konteks di mana sesuatu mata wang boleh dianggap sebagai terlebih nilai atau terkurang nilai? Adakah ringgit Malaysia boleh dipertimbangkan sebagai terlebih atau terkurang nilai pada masa sekarang? Apakah kesan ringgit yang terlebih atau terkurang nilai ke atas akaun-akaun imbalan pembayaran Malaysia?
(20 markah)

Soalan 2 (100 markah)

- (a) Ada banyak jenis sistem kadar pertukaran yang negara-negara boleh terima pakai pada hari ini. Huraikan bagaimana kadar pertukaran sesebuah negara ditentukan di bawah sistem kadar pertukaran (i) tetap (ii) pancang merangkak (iii) terapung bebas dan (iv) apungan terurus.
(20 markah)
- (b) Bincangkan faktor-faktor yang perlu dipertimbangkan oleh sesebuah negara dalam membuat keputusan untuk menerima pakai satu sistem kadar pertukaran tetap atau terapung.
(20 markah)
- (c) Berikan sebab-sebab mengapa negara-negara kecil memilih untuk memancang kadar pertukaran mata wang mereka sementara negara-negara perindustrian yang besar pula memilih untuk mengapungkan kadar pertukaran mata wang mereka. Adakah sistem kadar pertukaran tetap baik untuk negara-negara membangun?
(20 markah)
- (d) Huraikan sistem-sistem kadar pertukaran yang diamalkan oleh Malaysia sejak merdeka sehingga hari ini. Nilaikan kesesuaian sistem kadar pertukaran yang diterima pakai oleh Malaysia semenjak September 1998.
(20 markah)
- (e) Jelaskan masalah-masalah utama berhubung dengan sistem kewangan masa kini. Jika kita ingin mereformasikan sistem kewangan dunia yang sedia, apakah ciri-ciri yang perlu ada pada sistem kewangan global yang baru untuk memenuhi cabaran-cabaran pada abad ke-21?
(20 markah)

BAHAGIAN B

Jawab mana-mana DUA (2) soalan dalam bahagian ini.

Soalan 3

- (a) Beberapa pendekatan telah dikemukakan bagi menerangkan bagaimana kadar pertukaran ditentukan dalam jangka pendek dan jangka panjang. Senaraikan pendekatan-pendekatan tersebut dan terangkan faktor-faktor yang menjelaskan pergerakan dalam kadar pertukaran mengikut setiap pendekatan?
(40 markah)
- (b) Huraikan kekuatan dan kelemahan setiap pendekatan penentuan kadar pertukaran dari segi empirik.
(20 markah)
- (c) Jika anda diminta membina sebuah model ramalan bagi meramalkan pergerakan kadar pertukaran ringgit Malaysia, apakah penentu-penentu yang anda akan masukkan ke dalam model anda? Terangkan bagaimana penentu-penentu tersebut mempengaruhi pergerakan dalam ringgit Malaysia?
(20 markah)
- (d) Jelaskan bagaimana faktor-faktor berikut mempengaruhi kadar pertukaran ringgit Malaysia di bawah sistem kadar pertukaran yang ditentukan oleh kuasa pasaran: (i) kenaikan tingkat harga di Malaysia, dengan tingkat harga negara asing tidak berubah; (ii) kerajaan Malaysia mengenakan tarif dan kuota terhadap import; (iii) peningkatan dalam permintaan untuk eksport Malaysia dan pengurangan dalam permintaan untuk import Malaysia; (iv) peningkatan dalam produktiviti Malaysia relatif kepada negara-negara lain; (v) kenaikan dalam kadar faedah benar di negara asing relatif kepada kadar faedah di Malaysia; (vi) pertumbuhan penawaran wang di Malaysia; dan (vii) penambahan dalam permintaan wang di Malaysia.
(20 markah)

Soalan 4 (100 markah)

- (a) Apakah implikasi defisit/lebih dalam akaun semasa imbalan pembayaran sesebuah negara? Berikan sebab-sebab mengapa sesebuah negara perlu mengambil langkah-langkah tertentu bagi menyingkirkan ketakseimbangan yang berterusan dalam akaun semasa imbalan pembayarannya.
(15 markah)
- (b) Analisis struktur dan kedudukan akaun semasa imbalan pembayaran Malaysia bagi tempoh 1990 – 1997. Kenal pasti punca-punca masalah dalam akaun semasa imbalan pembayaran Malaysia pada tempoh tersebut.
(20 markah)

- (c) Huraikan langkah-langkah yang telah dilaksanakan oleh kerajaan Malaysia bagi mengatasi masalah dalam akaun semasa dan keberkesanan langkah-langkah tersebut.
(25 markah)
- (d) Bagaimanakah kedudukan akaun-akaun imbalan pembayaran Malaysia dalam tempoh 1998 – 2000? Cadangkan langkah-langkah tambahan/alternatif yang sesuai untuk memperkukuhkan akaun-akaun tersebut.
(20 markah)
- (e) Apakah yang dimaksudkan dengan kesan pantulan asing? Rangkakan strategi dan langkah-langkah yang sesuai bagi menghadapi kesan kelembapan ekonomi Amerika Syarikat yang diramalkan berlaku tahun ini.
(20 markah)

Soalan 5 (100 markah)

- (a) Bincangkan faktor-faktor yang menyumbang kepada tercetusnya krisis kewangan yang melanda rantau Asia Timur mulai Julai 1997.
(20 markah)
- (b) Huraikan kesan-kesan krisis tersebut ke atas ekonomi Malaysia, Thailand, Indonesia dan Korea.
(20 markah)
- (c) Apakah langkah-langkah yang disyorkan oleh IMF bagi memulihkan semula ekonomi dan keyakinan terhadap mata wang negara-negara di Asia Timur? Adakah langkah-langkah ini berkesan?
(15 markah)
- (d) Bincangkan langkah-langkah yang diperkenalkan oleh kerajaan Malaysia bagi menangani krisis tersebut dan keberkesanan langkah-langkah itu.
(30 markah)
- (e) Apakah pengajaran yang kita boleh perolehi daripada krisis tersebut? Cadangkan usaha-usaha lain yang boleh dijalankan bagi memastikan negara memiliki struktur ekonomi yang lebih kukuh di abad ke-21?
(15 markah)

Soalan 6 (100 markah)

- (a) Bezakan dengan jelas di antara perlindungan nilai, spekulasi, arbitraj mata wang dan arbitraj bunga di dalam pasaran pertukaran asing.
(15 markah)

- (b) Tunjukkan bagaimana (i) seorang pengeksport Malaysia yang akan menerima bayaran USD 1 juta dalam masa 90 hari dan (ii) seorang pengimport yang akan membuat bayaran sebanyak USD 1.5 juta dalam masa 3 bulan, boleh melindungi nilai di pasaran hadapan sekiranya harga semerta bagi USD adalah MYR3.80 dan kadar hadapan 3 bulan adalah MYR3.50? (15 markah)
- (c) Tunjukkan bagaimana seorang spekulator boleh menggunakan (i) pasaran semerta dan (ii) pasaran hadapan untuk menjalankan kegiatan spekulasi sekiranya kadar semerta hari ini ialah $S = \text{MYR}1.8540/\text{DM}$, kadar hadapan 3 bulan ialah $F = \text{MYR}1.8760/\text{DM}$ dan dalam masa 3 bulan harga semerta mark Jerman dijangka akan naik ke $\text{MYR}1.9210/\text{DM}$. (20 markah)
- (d) Katakan $i = 6\%$ dan $i^* = 10\%$ dengan i dan i^* ialah kadar faedah ke atas bil perbendaharaan 90 hari di Kuala Lumpur dan London; $S = \text{MYR}5.00$ ialah kadar semerta MYR/GBP; dan $F = \text{MYR}4.85$ ialah kadar hadapan 90 hari MYR/GBP. (i) Bagaimanakah seorang pelabur Malaysia boleh mengaut keuntungan dari arbitraj bunga tak terlindung? (ii) Bagaimanakah seorang pelabur Malaysia dapat mengaut keuntungan dari arbitraj bunga terlindung dan apakah kesan tindakan pengarbitraj tersebut terhadap S , i , i^* dan F dan hubungan di antara S , i , i^* dan F ? (20 markah)
- (e) Sekiranya tidak ada sebarang sekatan terhadap mobiliti modal antarabangsa, analisis pertalian di antara kadar semerta, kadar hadapan, kadar faedah dan kadar inflasi. (10 markah)
- (f) Apakah kawalan pertukaran? Apakah objektif-objektif utama pengenalan kawalan pertukaran terpilih oleh Malaysia? Apakah kesan-kesan utamanya terhadap pembolehubah-pembolehubah makroekonomi Malaysia? (20 markah)

(b) Tentukan laju reaksi (2) dengan mengkonstruksikan grafik log [A] terhadap waktu. (10 markah)

Sebuah larutan dengan konsentrasi awal 0.10 mol liter⁻¹ mengalami dekomposisi kimia dengan laju reaksi rata-rata 0.002 mol liter⁻¹ detik⁻¹. Berapa konsentrasi zat tersebut setelah 100 detik? (10 markah)

(c) Tuliskan persamaan laju reaksi untuk reaksi berikut ini. (10 markah)

(i) Gas nitrogen dioksida beroksidasi menjadi gas nitrogen tetroksida menurut persamaan kimia berikut ini: $2NO_2(g) \rightarrow N_2O_4(g)$. Tuliskan persamaan laju reaksi untuk reaksi ini. (10 markah)

(ii) Gas nitrogen dioksida beroksidasi menjadi gas nitrogen tetroksida menurut persamaan kimia berikut ini: $2NO_2(g) \rightarrow N_2O_4(g)$. Tuliskan persamaan laju reaksi untuk reaksi ini. (10 markah)

(d) Reaksi $A \rightarrow B + C$ dengan $k = 10^{-2} \text{ detik}^{-1}$ dan $[A]_0 = 0.10 \text{ mol liter}^{-1}$. Berapa konsentrasi A setelah 100 detik? (10 markah)

Reaksi $A \rightarrow B + C$ dengan $k = 10^{-2} \text{ detik}^{-1}$ dan $[A]_0 = 0.10 \text{ mol liter}^{-1}$. Berapa konsentrasi A setelah 100 detik? (10 markah)

(e) Sejalan dengan waktu, konsentrasi zat A berkurang. Setelah 100 detik, konsentrasi A adalah 0.02 mol liter⁻¹. Berapa konsentrasi A pada waktu 0 detik? (10 markah)

(f) Reaksi $A \rightarrow B + C$ dengan $k = 10^{-2} \text{ detik}^{-1}$ dan $[A]_0 = 0.10 \text{ mol liter}^{-1}$. Berapa konsentrasi A setelah 100 detik? (10 markah)

(g) Reaksi $A \rightarrow B + C$ dengan $k = 10^{-2} \text{ detik}^{-1}$ dan $[A]_0 = 0.10 \text{ mol liter}^{-1}$. Berapa konsentrasi A setelah 100 detik? (10 markah)

(h) Reaksi $A \rightarrow B + C$ dengan $k = 10^{-2} \text{ detik}^{-1}$ dan $[A]_0 = 0.10 \text{ mol liter}^{-1}$. Berapa konsentrasi A setelah 100 detik? (10 markah)

(i) Reaksi $A \rightarrow B + C$ dengan $k = 10^{-2} \text{ detik}^{-1}$ dan $[A]_0 = 0.10 \text{ mol liter}^{-1}$. Berapa konsentrasi A setelah 100 detik? (10 markah)

(j) Reaksi $A \rightarrow B + C$ dengan $k = 10^{-2} \text{ detik}^{-1}$ dan $[A]_0 = 0.10 \text{ mol liter}^{-1}$. Berapa konsentrasi A setelah 100 detik? (10 markah)

(k) Reaksi $A \rightarrow B + C$ dengan $k = 10^{-2} \text{ detik}^{-1}$ dan $[A]_0 = 0.10 \text{ mol liter}^{-1}$. Berapa konsentrasi A setelah 100 detik? (10 markah)